

D743

U B077 DEB

MAHATHIR - PENGHARGAAN

KUALA LUMPUR, 10 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MELAHIRKAN KEKESALANNYA KERANA BEBERAPA LANGKAH KERAJAAN UNTUK MENGHADAPI TEKANAN KEMELESETAN EKONOMI TIDAK DIHARGAI OLEH SEKTOR SWASTA.

BELIAU MENARIK PERHATIAN BAHAWA KERAJAAN BARU-BARU INI TELAH MENURUNKAN KADAR BAYARAN TELEFON DAN KADAR BAYARAN ELEKTRIK SEBAGAI LANGKAH UNTUK MENOLONG SEKTOR SWASTA SEPERTI PERHOTELAN DAN PERUSAHAAN MENGHADAPI KEADAAN EKONOMI YANG KURANG STABIL SEKARANG.

TETAPI SEBALIKNYA, KATA PERDANA MENTERI, APA YANG DIBACANYA DALAM AKHBAR-AKHBAR IALAH PIHAK-PIHAK BERKENAAN TERUS MELAHIRKAN RASA TIDAK PUAS HATI MEREKA SAMBIL MENYEBUT LANGKAH KERAJAAN ITU TERLALU RENDAH UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA MENGURANGKAN SEWA BILIK HOTEL, MISALNYA.

+SEKIRANYA USAHA-USAHA KERAJAAN ITU TIDAK DIHARGAI, MUNGKIN LEBIH BAIK KADAR-KADAR BAYARAN TELEFON DAN ELEKTRIK BERADA PADA TAHAP LAMA,+ KATANYA KETIKA MERASMIKAN PANGSAPURI MEWAH +THE ULTIMATE+ DI SINI HARI INI.

PADA KADAR LAMA, KERAJAAN DAPAT MEMUNGUT CUKAI YANG LEBIH BANYAK UNTUK DIGUNAKAN BAGI PEMBANGUNAN NEGARA, UJARNYA. -- LAGI
1354MST 10 08 85

D750

U B081 DEB

MAHATHIR - PENGHARGAAN 2 KUALA LUMPUR

+ KERAJAAN HANYA BOLEH MELAKUKAN SESUATU YANG IA MAMPU SAHAJA, TETAPI USAHA-USAHA KERAJAAN ITU HENDAKLAH DIANGGAP SEBAGAI MENGUNTUNGGAN OLEH PIHAK-PIHAK YANG DITUJUKAN.

+ KADANGKALA KERAJAAN JUGA INGIN MENDAPAT PENGHARGAAN DARIPADA USAHA-USAHA YANG DILAKUKANNYA. SAYA KECEWA KERANA TINDAKAN KERAJAAN MENURUNKAN SESUATU KADAR BAYARAN TIDAK DIHARGAI OLEH MEREKA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN MENASIHATKAN RAKYAT SUPAYA TERUS +MENGIKAT PERUT+ SELAGI KEADAAN EKONOMI NEGARA BELUM PULIH.

+ BAGAIMANAPUN SAYA BERBANGGA KERANA EKONOMI NEGARA KITA TIDAK BEGITU TERUK SEPERTI BEBERAPA NEGARA LAIN.

+ KITA TIDAK HARUS LALAI DALAM KEADAAN YANG BAIK ITU DENGAN MENYANGKA MALAYSIA TIDAK MUNGKIN DITIMPA KESULITAN SAMA SEPERTI YANG DIALAMI OLEH NEGARA-NEGARA ITU.

+ KALAU KITA TIDAK BERJAGA-JAGA DARI SEKARANG, EKONOMI MALAYSIA JUGA AKAN MENJADI LEMBAB,+ TEGASNYA. -- LAGI
1408MST 10 08 85

D770

U B091 DEB

MAHATHIR - PENGHARGAAN 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH PENTING KEDUA-DUA SEKTOR AWAM DAN SWASTA MENTADBIRKAN KEWANGANNYA DENGAN BAIK UNTUK MENGELAK SUASANA EKONOMI NEGARA MENJADI BURUK.

+ADALAH PENTING SUPAYA KITA TERUS MENGIKAT PERUT DAN MENGURANGKAN PERBELANJAAN DALAM KEADAAN SEKARANG. APABILA EKONOMI NEGARA TELAH PULIH SEMULA, BOLEHLAH KITA BALIK SEMULA HIDUP MEWAH SEPERTI YANG BIASA KITA LAKUKAN,+ UJAR DATUK SERI DR. MAHATHIR.

MENGENAI PEMBINAAN BANGUNAN-BANGUNAN MEWAH SEPERTI KONDOMINIUM, BELIAU BERHARAP PIHAK PEMAJU MEMPASTIKAN TERLEBIH DAHULU PERMINTAAN DAN PASARAN JENIS RUMAH YANG INGIN MEREKA DIRIKAN.

D766

U B088 DEB

MAHATHIR - PENGHARGAAN 4 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENASIHATKAN MEREKA SUPAYA JANGAN MENERUSKAN PROJEK MASING-MASING JIKA TELAH DIPASTIKAN BAHAWA PROJEK MEREKA TIDAK AKAN MEMBAWA KEUNTUNGAN.

PANGSAPURI +THE ULTIMATE+ DIMAJUKAN OLEH SEBUAH SYARIKAT PEMAJU BUMIPUTERA DARI IPOH, CHE WAN DEVELOPMENT SDN. BHD. IA MENGANDUNGI 30 UNIT DENGAN 28 UNIT JENIS STANDARD DAN DUA LAGI JENIS +SUPER PENTHOUSE+.

MENURUT PENERUSI SYARIKAT ITU, SENATOR DR. ABDULLAH FADZIL CHE WAN, SETIAP UNIT JENIS STANDARD AKAN BERTERHADAP HARGA \$1.35 JUTA MANAKALA HARGA BAGI KEDUA-DUA JENIS +SUPER PENTHOUSE+ BOLEH DIRUNDINGKAN. SETAKAT INI, LAPAN DARIPADA UNIT STANDARD TELAH DITEMPAH.

KESELURUHAN PROJEK DIJANGKA SIAP ANTARA AKHIR TAHUN HADAPAN DAN PERTENGAHAN TAHUN 1987.

SENATOR DR. ABDULLAH FADZIL BERJANJI BAHAWA BAGI SETIAP UNIT YANG DIJUAL SYARIKATNYA AKAN MENDERMA \$30,000 KEPADA MANA-MANA PERTUBUHAN KEBAJIKAN YANG DIPILIH OLEH DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH -- BERNAMA

1438MST 10 08 85